

Soalan Lazim (FAQ)

Kad Jenama Bersama AFFIN MPN

1. **Siapakah yang boleh memohon Kad Kredit/-i Jenama Bersama AFFIN MPN?**

Pelanggan boleh memohon jika mereka memenuhi kriteria berikut:

- i. Pendapatan minimum RM24,000 setahun
- ii. Ahli kepada Majlis Profesor Negara

2. **Apakah faedah memegang Kad Jenama Bersama MPN AFFIN?**

Anda boleh menikmati faedah berikut dengan Kad Jenama AFFIN MPN:

Yuran Tahunan	Pengecualian Sepanjang Hayat
Ganjaran	3x Mata Ganjaran AFFIN Rewards untuk pengebilan automatik, e-Wallet, dalam talian/ e- Perdagangan, makan, hotel, syarikat penerbangan, dan di luar negara. <i>Nota: Mata ganjaran AFFIN Rewards tidak termasuk transaksi amal, transaksi berkaitan kerajaan dan petrol.</i>
Keistimewaan Golf	Sehingga 2x Percuma* yuran hijau dan akses eksklusif ke padang golf terbaik di Malaysia dan negara-negara Asia Tenggara terpilih <i>*dengan transaksi minimum RM3,000 dalam penyata kad kredit terkini.</i> <i>Nota: Keistimewaan golf tertakluk kepada kesinambungan yang sedia ada</i> <i>Program Keistimewaan Golf AFFIN</i>
Ruang Istirahat Plaza Premium	6X kemudahan akses tanpa caj* dalam setahun ke ruang istirahat di Malaysia dan di beberapa negara terpilih di seluruh dunia. <i>(Kemboja, Indonesia, Filipina, Arab Saudi, Singapura, Taiwan, India, Itali, China, Hong Kong, UAE UK)</i> <i>*dengan transaksi minimum RM3,000 dalam penyata kad kredit terkini.</i>
Nombor Keahlian	Nombor keahlian MPN dilekatkan pada kad

3. Adakah terdapat had Mata Ganjaran AFFIN Rewards yang boleh saya perolehi dengan Kad Kredit AFFIN MPN?

Tidak ada had mata yang boleh anda perolehi dengan Kad Kredit AFFIN INVIKTA Visa Infinite. Semakin banyak anda berbelanja, semakin banyak Mata Ganjaran AFFIN Rewards yang boleh anda perolehi.

4. Adakah terdapat tempoh luput untuk Mata Ganjaran AFFIN Rewards?

Ya, Mata Ganjaran AFFIN Rewards akan luput selepas 3 tahun (36 bulan) dari tarikh mata ganjaran dikeluarkan

5. Bagaimana saya boleh memeriksa Mata Ganjaran AFFIN Rewards saya?

Anda boleh merujuk penyata bulanan Kad Kredit AFFIN AVANCE anda atau menyemak baki semasa anda secara dalam talian di <https://rewards.affinbank.com.my>.

6. Apa yang boleh saya lakukan dengan Mata Ganjaran AFFIN Rewards saya?

Anda boleh menebus barangan, baucar dan/atau mata ganjaran penerbangan dengan Mata Ganjaran AFFIN Rewards di <https://rewards.affinbank.com.my>.

7. Apakah yang dimaksudkan dengan bil automatik?

Bil automatik merujuk kepada pembayaran berkala dan automatik yang dibenarkan yang dibuat dalam tempoh waktu tertentu yang mewakili perjanjian di antara Ahli Kad dan pedagang untuk membeli barang atau untuk perkhidmatan yang disediakan dalam tempoh masa tertentu seperti bil utiliti, bil telco dan lain-lain. Ini termasuk langganan bulanan dalam talian seperti Spotify, Netflix, iflix dan lain-lain.

8. Apakah program ruang istirahat lapangan terbang dengan Plaza Premium Lounge?

Program ruang istirahat lapangan terbang dengan Plaza Premium Lounge adalah program ruang istirahat lapangan terbang yang membolehkan Ahli Kad dan tetamu mereka mengakses Plaza Premium Lounge di seluruh dunia dan menikmati manfaat dan perkhidmatan yang disediakan dengan mengemukakan Kad AFFIN terpilih yang sah di pintu akses/kaunter ruang istirahat Plaza Premium Lounge. Tiada kad keahlian tambahan perlu dibawa

9. Jika saya pemegang Kad Kredit/-i AFFIN MPN, apakah tarikan di bawah program ruang istirahat lapangan terbang dengan Plaza Premium Lounge?

Ahli kad layak menikmati akses percuma 6x ke Plaza Premium Lounge yang terletak di negara-negara terpilih di seluruh dunia dengan perbelanjaan minimum sebanyak RM3,000 dalam penyata kad kredit/-i terkini.

Untuk maklumat lanjut mengenai program ruang istirahat lapangan terbang dengan Plaza Premium Lounge, anda boleh merujuk Soalan Lazim [di sini](#).